

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003**

Februari/Mac 2003

RAK 552 – Amalan Profesional Seni Bina

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja dan sekurang-kurangnya dua (2) daripada setiap **Bahagian A** dan **B**.

BAHAGIAN A

1. Anda adalah salah seorang rakan kongsi sebuah praktis seni bina yang didaftarkan atas nama ‘Azmi Luddin Arkitek’. Firma anda telah dijemput oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk berbincang kemungkinan melantik firma anda sebagai perunding arkitek untuk satu projek yang telah dikenalpasti iaitu sebuah kompleks pendidikan yang dikenali sebagai Kompleks Pendidikan Bersepadu di Putrajaya.

Projek tersebut merangkumi beberapa jenis bangunan dan anggaran kos pembinaannya adalah seperti berikut:

(a)	Bangunan Kompleks Sekolah dan Asrama	RM 120 juta
(b)	Perumahan Guru	RM 35 juta
(c)	Muzium Pendidikan	RM 20 juta
(d)	Infrastruktur/Kemudahan Rekreasi/Pasarana/dll	RM 25 juta
Jumlah		RM 200 juta

Dengan berpandukan kepada perundangan Lembaga Arkitek Malaysia – (LAM), tulis sepucuk surat jawapan berkenaan perlantikan firma anda sebagai perunding arkitek, dengan menghuraikan perkhidmatan yang ditawarkan, asas pengiraan berserta jumlah yuran perkhidmatan profesional dan juga tahap pembayaran yuran untuk firma anda.

(20 markah)

- 2 -

2. (a) Huraikan jenis-jenis praktis senibina yang boleh didaftarkan di bawah peraturan undang-undang yang sedia ada dan nyatakan kebaikan-kebaikan dan keburukan-keburukan setiap jenis praktis.

(10 markah)

- (b) Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan:
- i. ‘submitting person’ di dalam ‘Uniform Building By Law – UBBL’.
 - ii. Surat Perlepasan Arkitek (Released Letter)
 - iii. Arkitek Konsep (Concept Architect)
 - iv. Skima Yuran Minima (Scale of Minimum Fees)
 - v. Timangtara (Arbitration)

(10 markah)

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan LAM-Kod Etika Praktis Profesional (‘Code of Professional Practice’). Hurai dan bincangkan.

(10 markah)

- (b) Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu sekarang, seorang prinsipal sebuah praktis seni bina sepatutnya membuat keputusan untuk lebih agresif dalam usaha untuk mendapatkan projek-projek baru.

Bincangkan strategi pemasaran dan cara perlaksanaan yang perlu beliau fikirkan dengan mengambil kira kod etika profesional praktis seni bina.

(10 markah)

BAHAGIAN B

4. (a) Di dalam Borang Perjanjian Piawaian PAM untuk Kontrak Bangunan, telah menyatakan tentang Kuasa seorang Arkitek selaku Pegawai Pengguna mentadirkkan perjanjian antara Klien dan Kontraktor.

Huraikan dengan Jelas akan perkara-perkara yang terkandung di dalam Klausus 2 Dokumen tersebut termasuk tugas dan tanggungjawab yang semestinya dijalankan oleh seorang Arkitek berkenaan.

- 3 -

- (b) Senaraikan perkara-perkara yang anda perlu lakukan sebelum tamat tempoh masa kontrak binaan, dengan merujuk kepada tugas dan tanggungjawab seorang Arkitek Projek didalam Perjanjian Kontrak Binaan.
- (20 markah)
5. Kontraktor Ahmad Zaki dan Rakan-Rakan telah diberikan kontrak membina sebuah Kompleks Penjara di SPT Pulau Pinang bernilai RM 333 juta dan masa kontrak tersebut ialah 30 bulan (02.01.2001 hingga 30.06.2003)

Kontraktor tersebut telah memohon Lanjutan Masa Kontrak bagi projek yang sedang ia kendalikan itu sejumlah 100 hari masa tambahan bagi menyiapkan kontrak ini, atas alasan berikut:

- (a) Arahan V.O. (variation order) tambahan yang diberikan kepadanya pada 30.12.2002 yang mengambil masa berasingan selama 20 hari untuk menyiapkannya. (Kerja tambahan ini tidak melibatkan perjalanan kerja kontrak asal).
- (b) Lukisan dan Dokumen Lengkap Projek hanya dibekalkan sepenuhnya selepas 20 hari daripada tarikh penerimaan Tapak.'
- (c) Keadaan cuaca yang buruk, hujan sepanjang bulan November dan Disember 2001 dan 2002 yang menyukarkan kerja binaan, dan jumlah hari kerja yang tidak dapat dijalankan ialah 30 hari.
- (d) Bekalan Simen oleh pembekal simen 'Pre-mix' lewat menghantarnya bekalannya ke tapak binaan walaupun membuat tempahan awal. Alasan pembekal ialah bekalan simen keseluruhan agak berkurangan dan terpaksa menunggu bekalannya dari kilang. Jumlah hari kelewatan bekalan ialah 20 hari.

Berpandukan kepada Klausula 23 Lanjutan Masa, sebagai seorang Pegawai Pengguna, pertimbangkan alasan-alasan di atas dan dengan andaian anda, sediakan satu laporan lengkap kepada klien akan apakah masa tambahan yang sepatutnya anda sokongkan.

(20 markah)

- 4 -

6. (a) Senarai dan huraikan perkara-perkara yang terkandung di dalam sebuah Dokumen Tender yang standard, untuk kontrak-kontrak kecil Tanpa Kuantiti.
- (b) Senarai dan huraikan satu persatu akan perkara-perkara yang anda perlu pertimbangkan, sebagai seorang Arkitek projek, atas Dokumen-dokumen Tender yang perlu dinilaikan sebelum memilih dan seterusnya memberikan sokongan kepada penender yang layak bagi sesuatu projek untuk diputuskan oleh Lembaga Jemaah Tender.

(20 markah)

-oooo0ooo-